

Motif Alam dan Tumbuhan dalam Seni Ukiran Kayu Melayu di Besut Terengganu

Natural and Plants Motifs of Malay Wood Carvings in Besut, Terengganu

Nurul Shakira Ahmad Asri
¹Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini mengenai motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu Melayu di Besut, Terengganu. Seni ukiran kayu merupakan hasil tukang tangan dan warisan turun temurun masyarakat Melayu yang bernilai tinggi. Masyarakat Melayu berpegang kuat dengan penghasilan ukiran dengan menggunakan alam sebagai ilham untuk mencurahkan perasaan sehingga menghasilkan satu motif yang indah. Motif yang terhasil bukan sahaja tertumpu kepada keindahannya sahaja tetapi mampu memberi kefahaman dan maksud tersendiri agar tersampaikan kepada pengukir dan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dapat menghasilkan para pengukir handal yang mempunyai kreativiti dalam mengukir kayu. Permasalahan kajian ini mengenai kenapa pengukir memilih motif alam dan tumbuhan sebagai elemen motif utama dalam menghasilkan ukiran kayu. Objektif kajian ini adalah menjelaskan motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu Melayu di Besut, Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian keperpustakaan untuk menguatkan lagi pengumpulan data yang dibuat. Kajian lapangan melibatkan pemerhatian serta temu bual bersama pengukir kayu. Kajian keperpustakaan pula dijalankan untuk menyokong dengan data bersifat sekunder. Kajian lapangan dijalankan di Besut Terengganu. Hasil kajian ini mendapati penggunaan motif tumbuhan dalam seni ukiran kayu. Terdapat lima bahagian dalam motif tumbuhan yang sering menjadi tumpuan dalam membuat ukiran seperti bunga, batang, daun, pucuk dan buah. Keberhasilan sesuatu ukiran bergantung kepada kebolehan dan kemahiran dalam mendalami teknik ukiran untuk mewujudkan satu bentuk ataupun corak yang kreatif berdasarkan penggunaan motif.

Kata Kunci: Seni ukiran kayu; warisan; motif; tumbuhan; masyarakat Melayu

ABSTRACT

The study of natural and plant motifs of Malay wood carvings in Besut, Terengganu. Wood carvings and hand craftsmen is the result of hereditary Malay heritage of great value. The community holds strong with earnings sculptures using nature as inspiration to confide to produce a beautiful design. The resulting motif is not only focused on its beauty but is able to provide its own understanding and meaning to be conveyed to the sculptor and the community. This shows that the community can generate the powerful sculptor who has

creativity in carving wood. The problem of this study is why sculptors choose nature and plant motifs as the main motif elements in producing wood carvings. The objective of this study is to explain the nature and motives of plants in Malay wood carvings in Besut, Terengganu. This study uses a qualitative approach that is field research and library research to further strengthen the data collection made. The field study involved observations as well as interviews with wood carvers. A library study was conducted to support with secondary data. The field study was conducted in Besut Terengganu. The results of this study found the use of plant motifs in wood carving art. There are five parts in plant motifs that are often the focus in making carvings such as flowers, stems, leaves, shoot and fruits. The success of a sculpture depends on the ability and skills in deepening the sculpture technique to create a creative shape or pattern based on the use of motifs.

Keywords: *Wood carving art; inheritance; motive; plants; Malay community*

1. Pengenalan

Seni ukiran kayu merupakan seni pertukangan tangan yang menjadi tradisi turun-temurun dalam masyarakat Melayu. Seni ukiran adalah satu cabang seni rupa yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman berzaman lagi (Syed Ahmad Jamal, 1992). Seni ukiran kayu mempunyai nilai yang tinggi dan menjadi asas perlambangan bagi identiti masyarakat Melayu. Keberhasilan masyarakat Melayu dalam mengaplikasikan kayu sebagai bahan untuk mengukir telah berkembang sejak pada zaman dahulu lagi. Seni ukiran kayu Melayu merupakan kemahiran hasil kerja tangan dan ketinggian ilmu yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk barangan di sekeliling (Yusniza Mohamed Yusof et,al, 2020). Hasil-hasil seni ukiran dapat dilihat pada seni tradisional termasuk istana, rumah lama, masjid dan sebagainya.

Seni ukiran kayu ini berkonsepkan dengan pengaruh alam yang memberikan ilham kepada masyarakat untuk menghasilkan pelbagai motif dan bentuk dalam ukiran. Menurut Mohd Nasrulamiaam Mohd Nasir & Asyaari Muhamad (2018), bermula sejak zaman pra-Islam, seni ukiran kayu dikatakan telah bertapak di Alam Melayu. Pengaruh dan simbol pada motif-motif ukiran pada zaman tersebut memberi gambaran terhadap pandang dunia dan sistem kepercayaan masyarakat pada masa itu. Sebelum kedatangan Islam, pengukir lebih tertumpu kepada motif binatang kerana kepercayaan yang begitu mendalam terhadap ukiran yang dibuat. Sebagai contoh, ukiran burung bangau yang terdapat di perahu kerana mempercayai bahawa akan mendapat banyak ikan.

Namun, kedatangan Islam telah mengubah seni ukiran daripada segi motif yang awalnya motif haiwan dan dewa telah digantikan dengan motif flora dan khat (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001). fahaman fundamental Islam telah mendorong penerapan seni ukiran kayu Melayu dalam bangunan dengan melahirkan motif baru yang berasaskan unsur-unsur seperti bentuk geometri, bunga-bunga, pucuk tumbuhan dan dedaunan. Oleh itu, pengukir kayu mula berusaha mengubah cara pengukiran dengan menggunakan motif yang bercirikan keislaman. Seni ukiran kayu mula berkembang luas ke istana-istana raja, ke rumah orang-orang besar dan kenamaan, rumah-rumah ibadat, pintu-pintu gerbang pada kota dan sebagainya (Abdul Halim Nasir, 2016).

Seni ukiran Melayu tradisi sekali lagi menerima perubahan apabila agama Islam sampai ke Semenanjung Tanah Melayu kira-kira pada abad ke-14 sebagaimana tercatat di Batu Bersurat Terengganu yang ditemui di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu. Batu Bersurat tersebut membuktikan bahawa agama Islam menjadi pegangan utama masyarakat Melayu (Abdul Halim Nasir, 2016). Menurut beliau lagi, ukiran-ukiran tua dapat dilihat pada Istana Balai Besar di Kelantan iaitu sebuah istana yang dibina kira-kira 150 yang lampau.

Penemuan-penemuan bahan artifak ini menunjukkan ukiran telah lama bertapak di Semenanjung Malaysia.

Jika dilihat dari segi motif, ukiran di kawasan pantai timur telah berkembang dengan pesat disebabkan kemunculan para pengukir yang handal. Menurut Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah (2001), Seni Ukiran di Kelantan dan Terengganu, kebanyakannya menggunakan motif tumbuhan kesan pengaruh kerajaan Langkasuka. Pokok herba seperti ketumbit dan getamguri yang tumbuh meliar di kawasan menjadi motif yang unggul dalam seni ukiran di Terengganu dan Kelantan. Para pengukir Melayu pada masa lampau banyak mendapat ilham daripada tumbuh-tumbuhan di sekitar kawasan rumah atau tempat mengukir walaupun dari spesies-spesies yang tidak penting atau tidak terkenal langsung (Nila Inangda et,al, 2012). Namun, dengan kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh pengukir mampu menghasilkan satu ukiran yang menarik.

Terengganu merupakan negeri yang masih membuat ukiran kayu. Walaupun ukiran kayu tidak lagi terkenal seperti dahulu namun sehingga kini masih bertahan dan berkembang dalam mempertahankan warisan Melayu. Kajian ini dijalankan untuk memberi fokus kepada motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu di Besut Terengganu. Seni ukiran kayu kelihatannya semakin tenggelam dalam dunia masyarakat Melayu kerana semakin berkurangan pengukir yang handal.

2. Sorotan Literatur

Mohd Nasrulmiazam Mohd Nasir dan Asyaari Muhamad dalam kajian yang bertajuk *Sejarah Ukiran Kayu dan Hiasan Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia* (2018), seni ukir adalah satu pertukangan tangan yang menjadi tradisi kepada masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Tradisi mengukir ini bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada sesebuah kelompok masyarakat yang menghasilkannya malah memberi nilai seni yang tinggi kepada pencintanya. Ukiran pada kayu dan batu di Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain mungkin telah bermula sejak prasejarah lagi. Di semenanjung Malaysia, para pengkaji mendapati kegiatan menghasilkan ukiran telah bermula sejak zaman Neolitik lagi.

Selain itu, Yusniza Mohamed Yusof, Harleny Abd.Arif dan Norakmal Abdullah dalam kajian yang bertajuk *Abd. Muhaimin bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari* (2020). Seni ukiran Melayu merupakan satu bentuk seni yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Seni ukiran Melayu merupakan kemahiran hasil kerja tangan dan ketinggian ilmu yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk barangan di sekeliling. Contohnya, peralatan dapur, barangan kraf, rumah, perahu dan lain-lain. Seni ukiran kayu melalui sejarah yang panjang bermula daripada zaman pembinaan istana-istana Melayu, rumah-rumah orang Melayu, masjid-masjid kenderaan seperti perahu, kereta lembu hinggalah kepada peralatan domestik.

Menurut Abdul Halim Nasir dalam bukunya yang berjudul *Ukiran Kayu Melayu Tradisi* (2016), seni ukiran yang dipersembahkan melalui bahan kayu ini sama juga dengan seni ukiran yang terdapat pada batu, tanah dan lain-lain bahan logam. Cuma yang dapat dibezakan ialah cara dan teknik pengukirannya sahaja. Ukiran dapat bertahan sehingga beratus-ratus tahun sekiranya diperbuat daripada kayu jenis terbaik dan tahan seperti kayu cengal, merbau, kempas, penak, bacang hutan dan lain-lain jenis kayu terbaik yang terdapat di negara. Dengan menggunakan kayu-kayu jenis terbaik ini dalam kerja-kerja kreatif, pengukir bukan sahaja dapat memelihara ketahanan ukiran-ukiran tersebut tetapi dapat juga menjaga mutunya.

Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi dan Mohammad Faisal dalam kajian yang bertajuk *Pengaplikasian Ukiran Kayu dalam Seni Bina di Malaysia* (2012), seni ukiran kayu Melayu adalah sebahagian dari seni budaya masyarakat Melayu yang

mempengaruhi tiga aspek penting kehidupan bangsa Melayu iaitu status, kepercayaan dan kebudayaan. Ketiga-tiga aspek ini diuraikan di setiap ukiran kayu melalui falsafah, makna dan fungsinya yang berbeza bagi setiap penggunaannya. Status seseorang ditunjukkan melalui cara penerapan seni ukiran kayu Melayu ke dalam seni bina Melayu seperti istana, rumah dan masjid di samping peralatan perhiasan. Aspek kepercayaan bangsa Melayu dapat ditemui pada sesetengah peralatan yang mereka cipta kerana ia mempunyai hubungan dengan kepercayaan atau kuasa tertentu.

Seterusnya, Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah dalam buku yang berjudul *Spesies-spesies Kayu dalam Seni Ukiran Melayu* (2001), ukiran kayu adalah seni menyobek permukaan papan atau bongkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif. Terdapat lima jenis motif yang biasanya diterap pada kayu, iaitu flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Proses penyobekan adalah satu manifestasi ilham tukang ukir kepada satu jisim yang nyata. Manifestasi ini berbentuk abstrak atau simbolik seperti daun atau bunga flora yang dibentuk secara tebuk tembus atau tebuk timbul. Bentuk yang diukir selalunya tidak menyerupai objek flora secara langsung tetapi diolah dalam bentuk simbolik agar menyerupai objek tersebut.

Mohd Rozaimi Hamat dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dalam kajian yang bertajuk *Motif Alam Flora dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan* (2020) alam cukup kuat pengaruhnya dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan alam persekitaran telah membentuk satu pengaruh unik khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu. Keupayaan mengolah unsur alam khususnya flora sebagai motif ragam hias yang cantik dan unik turut membuktikan keupayaan daya kreativiti yang tinggi dalam kalangan tukang-tukang ukir Melayu.

Daripada kajian lepas mendapati bahawa tiada kajian yang menjurus kepada motif alam dan tumbuhan dalam seni ukiran kayu Melayu. Hal ini telah menarik minat penyelidik untuk menghasilkan satu kajian yang berbeza. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui kenapa pengukir memilih motif alam dan tumbuhan sebagai elemen utama dalam menghasilkan ukiran kayu.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu bersifat deskriptif yang melibatkan penelitian daripada kajian keperpustakaan dan kajian lapangan. Kajian keperpustakaan merupakan kaedah terawal yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih berkenaan dengan kajian. Penelitian melalui bahan bacaan juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan dengan kajian menerusi buku ilmiah, jurnal, tesis dan laman web rasmi. Kaedah ini juga digunakan untuk mengumpul bahan penting dalam meneliti kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan.

Kaedah lapangan turut dilakukan untuk memperolehi lebih banyak maklumat berkenaan dengan kajian. Dua kaedah kajian lapangan digunakan iaitu temubual dan pemerhatian. Temubual dipilih dalam kajian kerana untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat berkenaan dengan motif yang digunakan dalam ukiran kayu Melayu oleh tukang ukir. Informan yang ditemubual merupakan seorang pengukir yang handal dalam menghasilkan ukiran. Segala penerangan dan penjelasan daripada informan semasa temubual akan dicatat dan direkod suara untuk memudahkan dalam membuat analisis setelah mengumpul data yang diperlukan.

Kaedah seterusnya iaitu pemerhatian. Penyelidik menggunakan pemerhatian untuk melihat secara langsung cara mengukir kayu dalam menghasilkan beberapa motif. Melalui kaedah ini akan mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan mendapat penerangan dengan jelas daripada informan berkenaan dengan kajian yang dilakukan. Kaedah

pemerhatian juga dijadikan pilihan bukan sahaja untuk melihat motif yang dihasilkan tetapi untuk melihat penggunaan peralatan semasa mengukir kayu. Melalui kaedah yang digunakan, penyelidik akan membuat penelitian dengan lebih terperinci dalam pengumpulan data agar memudahkan untuk membuat analisis berkenaan kajian yang dijalankan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Seni ukir merupakan seni kerajinan tangan yang mempunyai nilai tinggi dalam melambangkan jati diri masyarakat Melayu. Seni ukir terdiri daripada seni khat, seni lukis, seni ukiran kayu dan sebagainya. Seni ukiran memerlukan kemahiran yang tinggi kerana bukan hanya sekadar hiasan pada bentuk seni rupa pada sesuatu ciptaan tetapi juga memperlihatkan maksud yang terangkum di sebalik elemen ukiran yang simbolik (Nor Adina Abdul Kadir et.al 2018). Seni ukir juga dikenali sebagai seni pahat untuk menyobek dan memahat permukaan kayu untuk menghasilkan satu bentuk ukiran yang indah.

Ukiran tebuk merupakan ukiran yang menggunakan sekeping papan atau beberapa keping papan yang ditebuk untuk menghasilkan bentuk-bentuk motif atau corak. Ukiran tebuk ini selalu menggunakan peralatan gerudi gergaji. Ukiran tebuk tembus menggunakan mesin kelusor kerana mudah tembus tanpa mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sesuatu ukiran (Nazri A.Rahman@ A.Ibrahim, 2021). Ukiran jenis ini juga dapat menghasilkan bayang yang menonjolkan corak ukiran ke dalam bahagian rumah akibat sinaran matahari dari luar yang melalui celah-celah sobekan tersebut (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001). Oleh itu, ukiran yang dihasilkan akan menunjukkan keindahan bentuk dan corak ukiran yang akan dijadikan hiasan di rumah dan sebagainya.

Menurut Nazri A.Rahman @ A. Ibrahim (2021), ukiran layang adalah ukiran biasa dan ringkas yang tidak menggunakan mesin moden. Namun, ukiran ini menggunakan pahat sahaja dengan cara melukis bentuk ataupun corak di atas sekeping papan dan terus memahat setelah siap. Bahagian latar corak juga tidak ditebuk. Hal ini menjelaskan bahawa ukiran layang merupakan ukiran yang tidak tembus dan tidak mempunyai corak timbul pada permukaan kayu. Ukiran jenis ini juga menggunakan motif yang ringkas. Penggunaan teknik yang tidak terlalu berat kerana hanya menggunakan peralatan tradisional iaitu pahat untuk menyobek permukaan kayu.

Hasil-hasil seni biasanya dapat dilihat melalui seni bina tradisional seperti istana, rumah, masjid, serta pelbagai peralatan yang digunakan dalam kehidupan sehari. Tukang ukir sentiasa peka dan teliti dalam memilih jenis kayu yang sesuai dalam menghasilkan ukiran supaya tahan lama dan kelihatan lebih kreatif. Menurut Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim (2021), dalam ukiran kayu selalu menggunakan kayu cengal kerana kayu lebih lembut dan akan menjadi mudah untuk membentuk ukiran. Kayu jenis ini akan bertahan lebih lama walaupun terkena air berbanding dengan kayu yang lain. Namun, pada peringkat awal permulaan dalam belajar asas ukiran perlulah menggunakan kayu jenis jelutong kerana lebih lembut berbanding dengan kayu cengal.

Sebelum menghasilkan sesuatu ukiran mestilah memastikan peralatan yang diperlukan dalam ukiran cukup. Menurut Nazri A.Rahman @ A. Ibrahim (2021), pada peringkat permulaan membuat ukiran, kayu yang digunakan agak keras jadi mestilah membuat persediaan dengan memastikan pisau ukir itu tajam. Pisau ukiran adalah pisau khas yang digunakan untuk mengorek, memotong dan melicinkan kayu. Jika tidak tajam, akan memberi kesan buruk ke atas bentuk ukiran kerana akan kelihatan tidak cantik serta penghasilannya menjadi teruk. Tambahan pula, ia juga memberi kesan kepada hasil ukiran apabila peralatan yang digunakan tidak mencukupi menyebabkan susah untuk membentuk corak mengikut saiz yang ditetapkan. Hal ini akan menyebabkan ukiran yang dihasilkan tidak sempurna dan kelihatan tidak menarik. Tanpa peralatan yang baik dan kemahiran tinggi,

boleh menyukarkan dan melambatkan kerja-kerja mengukir dan reka bentuk ukiran yang dihasilkan kurang bermutu (Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001).

Proses dalam menghasilkan ukiran yang kemas dan cantik mestilah memberi tumpuan kepada tatacara sebelum, semasa dan selepas melakukan ukiran. Nazri A.Rahman @ A. Ibrahim (2021), mengatakan untuk melihat sesuatu ukiran itu menarik dan kreatif adalah melalui teknik ukiran yang boleh menghasilkan satu ukiran yang serupa dengan lukisan. Semasa melakukan ukiran mestilah sentiasa memberi fokus kepada keadaan persekitaran supaya sentiasa bersih dan kemas. Keadaan ini akan memberi kesan kepada cara ukiran agar lebih teratur dan tidak meyusahkan pengukir apabila memulakan ukiran. Teknik ukiran ini dapat dilihat bahagian permulaan dengan cara membuat pola atau melakar lukisan pada kayu yang akan diukir sehingga bahagian akhir untuk membersihkan bahagian ukiran.

Selain itu, Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim (2021), mengatakan bahawa sebagai seorang pengukir mestilah sentiasa memberi perhatian terhadap kehalusan tempat permukaan ukiran pada bongkah kayu agar sentiasa bersih. Setelah selesai membuat ukiran mestilah menggunakan kertas pasir untuk melicinkan dan menghaluskan ukiran agar kelihatan bersih dan kemas. Terdapat dua jenis kertas pasir yang berbeza digunakan iaitu kasar 350 dan halus 1000. Kertas pasir kasar digunakan setelah selesai mengukir kayu. Hal ini kerana, permukaan kayu pada ketika itu tidak rata dan memerlukan pembersihan secara menyeluruh untuk melihat kehalusan dalam ukiran. Namun, kertas pasir halus digunakan semasa ingin mengecat kayu tersebut untuk memperlihatkan lagi keindahan. Hal ini menunjukkan satu bentuk yang kreatif dalam penghasilan ukiran. Justeru itu, kayu yang digunakan mestilah berkualiti tinggi agar memudahkan pengukir untuk menyobek bongkah kayu. Pemilihan motif dalam ukiran juga memberi pengaruh kepada pengukir untuk membuat pilihan yang tepat mengikut teknik, bentuk dan saiz yang ditetapkan agar sesuai semasa membuat lakaran dan ukiran.

Penghasilan motif yang digunakan oleh informan dalam seni ukiran kayu adalah berunsurkan tumbuhan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, tumbuhan merupakan motif yang berasaskan agama Islam yang memberi pengaruh yang besar kepada informan untuk menghasilkan satu ukiran yang melambangkan jati diri masyarakat Melayu. Dalam ukiran kayu, informan sering menggunakan motif tumbuhan seperti bunga raya, bunga ketam guri, bunga cempaka, bunga kenanga, bunga ketumbi dan bunga sulur kacang. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa, seni ukiran kayu yang dihasilkan oleh informan lebih berfokuskan kepada tumbuhan untuk menaikkan martabat warisan masyarakat Melayu melalui ukiran.

4.1 Perbincangan

Hasil dapatan daripada analisis tentang kajian berkaitan dengan motif yang dihasilkan oleh pengukir berdasarkan kepada motif tumbuhan. Pemilihan motif tumbuhan sebagai motif utama melambangkan budaya masyarakat Melayu. Pemilihan motif tumbuhan berdasarkan kepada pemerhatian dan penglihatan seorang pengukir terhadap alam dan memanfaatkan tumbuhan sebagai motif dalam seni ukiran. Tumbuhan-tumbuhan yang hidup di kawasan persekitaran memberikan inspirasi kepada pengukir untuk menghasilkan sesuatu ukiran dengan melahirkan teknik ukiran yang boleh mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu.

Penerapan masuk motif dalam ukiran sebenarnya telah berlaku sebelum kedatangan Islam. Ukiran ketika itu lebih tertumpu kepada motif yang berasaskan kepercayaan Hindu seperti motif haiwan. Namun, kedatangan Islam telah mempengaruhi cara pengukiran dengan menggunakan motif yang lebih berunsurkan agama Islam seperti motif tumbuhan. Menurut Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim (2021), motif flora ataupun tumbuhan melambangkan identiti masyarakat Melayu dengan cara menghasilkan motif berdasarkan persekitaran sekeliling. Contohnya, motif bunga raya yang melambangkan jati diri masyarakat Melayu. Tumbuhan

menjadi motif utama kepada tukang-tukang ukir untuk menghasilkan ukiran kerana berlandaskan kepada ajaran agama Islam.

Sifat-sifat tumbuhan yang kelihatan cantik dengan cara melilit, bentuk daun yang menarik serta berbuah memberikan ilham kepada pengukir untuk menghasilkan satu bentuk ukiran yang lebih kreatif. Menurut Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim (2021), ilham dalam menghasilkan sesuatu ukiran terjadi apabila melihat benda yang tertarik dan terlintas daripada pandangan mata. Pengukir akan menghasilkan satu corak ataupun motif tumbuhan dengan memilih bahagian tertentu yang dapat menarik minat. Dalam pemilihan sesuatu bentuk, pengukir melihat motif tumbuhan daripada bahagian seperti bunga, batang, pucuk, daun dan buah lalu diterjemahkan melalui ukiran. Melalui ini, dapat dilihat cara seseorang pengukir mengaplikasikan tumbuhan sebagai motif yang boleh menunjukkan nilai kesenian yang lebih kreatif dan simbolik.

Penggunaan pola dalam ukiran sangat penting bagi seseorang pengukir untuk mengenalpasti bentuk ukiran supaya lebih beralun. Pengukir mestilah membuat lakaran terlebih dahulu dengan memilih pola-pola yang bersesuaian terhadap motif tumbuhan yang digunakan. Informan Nazri A.Rahman @ A. Ibrahim sentiasa menggunakan pola 'C' dan 'S' dalam setiap ukiran. Keadaan ini akan memudahkan beliau untuk memulakan sesuatu lakaran supaya dapat menghasilkan satu teknik yang unik dalam ukiran. Contohnya, ukiran bermotifkan bunga ketam guri. Bunga ketam guri merupakan tumbuhan yang mudah dijumpai dan tumbuh secara meliar di kawasan terbuka. Bunga ketam guri sudah sebatu dalam dunia ukiran kayu kerana sering digunakan sebagai motif dalam seni ukiran. Lukisan bunga ketam guri di atas bongkah kayu akan dimulakan dengan pola 'S' sebagai batang dan seterusnya lakaran akan membentuk kepada bunga. Daripada pola tersebut, mampu menghasilkan pelbagai corak seperti daun, pucuk dan sebagainya.

Dalam menghasilkan satu ukiran yang cantik dan kreatif mestilah dimulakan dengan membuat lakaran corak yang menarik. Informan Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim mengatakan semasa ingin membuat lakaran, mestilah mengetahui tumbuhan yang digunakan mampu menghasilkan pelbagai bentuk motif sebagai contoh bunga raya. Dalam ukiran, seorang pengukir perlu kreatif dan mempunyai daya pemikiran yang terbuka supaya dapat mewujudkan satu teknik yang berkesan terhadap bentuk ukiran. Bunga raya dijadikan contoh untuk melihat pelbagai motif yang boleh dijadikan bentuk. Daun bunga raya diambil sebagai lakaran bentuk tetapi mestilah pandai meletakkan agar tidak tertumpu kepada satu bentuk lakaran tetapi bermacam bentuk seperti daun terbuka dan bergulung.

Motif bunga juga dijadikan sebagai corak untuk mengukir. Sebelum membuat lukisan perlulah memikirkkan dahulu bentuk-bentuk bunga yang boleh dibuat. Semasa melukis, seorang pengukir perlu kreatif dengan melihat bentuk bunga lalu dilukis bentuk bunga di atas lukisan. Tidak perlu tiru bentuk bunga sepenuhnya seperti yang dilihat tetapi mengubah mengikut citarasa bagaimana corak yang diinginkan supaya kelihatan cantik. Sebagai contoh, melukiskan bunga dalam keadaan sisi atau secara berhadapan. Hal ini menunjukkan dalam membuat lakaran bentuk atau corak ukiran mestilah mengetahui terlebih dahulu motif yang ingin digunakan dan digubah kepada bentuk ukiran. Ukiran yang dihasilkan digubah supaya tidak terlalu nampak seperti yang asal. Hal ini kerana, untuk melihat sejauhmana kemahiran yang ada pada seseorang pengukir dalam menghasilkan satu bentuk ukiran yang kreatif.

Melalui kajian ini mendapati bahawa penggunaan motif alam dan tumbuhan sebagai motif utama dalam seni ukiran kayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, penyelidik telah meninjau ke kawasa kajian dan melihat sendiri cara menghasilkan ukiran dengan menggunakan motif tumbuhan. Informan juga memberikan tunjuk ajar tentang cara menghasilkan pola yang betul dalam ukiran dan menggunakan peralatan yang moden dan juga tradisional seperti pahat. Bentuk motif yang dilakarkan akan menghasilkan pelbagai corak yang mampu mewujudkan satu ukiran yang kreatif berdasarkan kepada kemahiran

seseorang pengukir. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa penggunaan motif yang digunakan dalam menghasilkan sesuatu bentuk seperti bunga, batang, pucuk, daun dan buah. Ukiran kayu yang dihasilkan mampu mengangkat nilai warisan masyarakat Melayu

5. Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini memerlukan tinjauan ke kawasan tempat kajian untuk mempelajari dan melihat sendiri berkenaan dengan pembuatan ukiran kayu. Segala penjelasan dan penerangan yang diberikan oleh informan semasa temubual sememangnya memberikan banyak maklumat dan membantu dalam pengumpulan data. Melalui kajian ini, dapat mengenalpasti motif yang digunakan dalam ukiran serta dapat menjelaskan berkenaan dengan motif tumbuhan yang digunakan oleh pengukir dalam menghasilkan ukiran kayu. Penggunaan motif dalam ukiran memainkan peranan yang penting supaya dapat mewujudkan satu ukiran yang indah dan kreatif. Keadaan ini bergantung kepada teknik yang digunakan oleh seseorang pengukir untuk menghasilkannya. Kemahiran dan kebolehan yang dimiliki oleh pengukir menjadi titik permulaan yang baik dalam menghasilkan satu ukiran yang cantik.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir. (2016). *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah. (2001). *Spesies-spesies Seni Ukiran Kayu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir & Asyaari Muhammad. (2018). Sejarah Ukiran Kayu dan Hiasan Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rozaimi Hamat dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Motif Alam Flora dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan. *Jurnal Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri A.Rahman @ A.Ibrahim. (2021). Motif Alam dan Tumbuhan dalam Seni Ukiran Kayu Melayu. Temubual.
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal. (2012). Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu dalam Seni Bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*. Universiti Malaya
- Nor Adila Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan & Norsaeidah Jamaludin. (2018). Seni dalam Islam: Kajian Khusus Terhadap Seni Ukir. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunisza Mohamed Yusof, Harleny Abd. Arif & Norakmal Abdullah. 2020. Abd. Muhaimin Bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari. *Journal of Applied Art*.